

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

# *Konsisten Jika Mahu Berjaya*

**NURUUL HIDAYAH MANSOR**

Anak kelahiran Selangor, Muhammad Zahidul Fitri Bin Zamzuri (23) diharap dapat menjadi suntikan inspirasi kepada mahasiswa program di UiTM Cawangan Negeri Sembilan khususnya apabila telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Usahawan Siswa UiTM 2021 dalam Anugerah Apresiasi Rektor tahun 2021 dan tersenarai di antara 10 teratas (top 10) dalam Program Usahawan Mahasiswa anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor PUM-PKNS tahun 2022 selain pencapaian menerusi penerimaan Anugerah Halo Telco - Top 100 Dealer Most Sim Register (2021) dan Pengiktirafan Pencapaian Cemerlang tahun 2022.

Beliau merupakan graduan lepasan Diploma Pengurusan Halal (2019-2021), UiTM Negeri Sembilan telah meminati dunia perniagaan semenjak dibangku sekolah. Perniagaan kecil-kecilan yang dijalankan semasa membesar di asrama sekolah menjadi batu loncatan kepada beliau dalam merealisasikan minatnya menjadi usahawan. Dorongan daripada rakan-rakan dan saudara terdekat yang turut berniaga telah banyak membantu anak muda ini untuk terus kekal berusaha menembusi alam perniagaan yang sebenar. Menurut Zahidul Fitri, beliau telah mencuba pelbagai jenis perniagaan kerana beliau suka mencuba perkara baru disamping dapat menaikkan nilai dirinya untuk lebih mahir serta dikenali dalam arena perniagaan. Perubahan amalan perniagaan secara atas talian yang perlu diterima dan digunakan oleh semua masyarakat akibat covid 19 telah membuka laluan mudah kepada beliau untuk terus memperkenalkan diri beliau dalam dunia perniagaan tempatan.

Pengalaman beliau bekerja dengan majikan di sebuah premis restoran makanan tempatan dengan jumlah jam kerja yang panjang telah memotivasikan diri beliau untuk membina kerjaya sendiri. Percubaan awal beliau berniaga secara sendirian tanpa pekerja bukanlah suatu yang mudah malah terasa amat mencabar. Namun dari bulan melangkau bulan sehinggalah melangkau tahun jumlah hasil keuntungan yang mula menunjukkan peningkatan menghilangkan segala rasa penat dan lelah yang dirasakan beliau. Sepanjang menguruskan perniagaan antara asas yang banyak dipelajari oleh beliau dalam perniagaannya adalah trend demand and supply.

Menurut saudara Zahidul Fitri, seorang mahasiswa beliau tidak perlu merasa takut untuk mencuba sebarang jenis perniagaan ketika di usia muda. Namun, setiap apa yang ingin dilakukan oleh seorang mahasiswa memerlukan persediaan seperti mana bekalan senjata yang bakal dibawa ke medan perang. Mahasiswa perlu melengkapkan diri dengan ilmu perniagaan dan belajar hidup berdikari untuk memastikan ketahanan dalam dunia realiti perniagaan. Selain itu, untuk menjadi usahawan yang berjaya keberanian untuk melebarkan jaringan (networking) dengan ahli-ahli perniagaan lain adalah satu perkara yang sangat penting.

Tidak lokek berkongsi ilmu perniagaan, beliau menyatakan tiga analogi fasa masa dalam memulakan perniagaan perlulah dirancang dengan baik iaitu fasa tanaman, kemarau dan tuaian. Di fasa tanaman, petani perlu berusaha dan bekerjalah dengan bersungguh-sungguh untuk tanaman tersebut, kutip hasil tanaman yang diperlukan sahaja pada ketika sekarang bagi memastikan terdapat hasil tanaman yang boleh digunakan di masa lain. Ini kerana dibimbangi apabila kemarau melanda, petani akan terduduk kerana tiada lagi hasil tanaman yang boleh dimakan. Justeru, simpanan hasil amat penting pada ketika kecemasan. Di fasa menuai, petani boleh menggunakan hasil sebagai pulangan kerja kerasnya namun masih perlu berhati-hati kerana dikhuatiri kemarau bakal tiba kembali.



**Business Quotes:**

“Usahawan Muslim yang berjaya perlu berilmu dan berani luaskan networking”  
“Follow saya zahidulfitri.com”

**PROFIL:**

MUHAMMAD ZAHIDUL FITRI BIN ZAMZURI  
23 Tahun

**ASAL:**

Selangor

**PERNIAGAAN:**

Method My Enterprise  
Web Design & Development Services

**Alma Mater:**

Diploma Pengurusan Halal  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
2019-2021

**Business Quotes:**

“Usahawan Muslim yang berjaya perlu berilmu dan berani luaskan networking”  
“Follow saya zahidulfitri.com”